



Ruj Kami: JANM.BPOPA.600-2/2/5 Jld.1(2)
Tarikh : 11 Oktober 2022

**Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Tuan/ Puan,

PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2022 hendaklah disediakan bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Ketua Akauntan dan Pengarah Negeri/Cawangan hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menyediakan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan mengikut Panduan Penyediaan Kertas Kerja Sokongan yang disertakan bersama surat ini;
- (b) Memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan adalah lengkap dan sempurna untuk dikemukakan kepada wakil Ketua Audit Negara;
- (c) Memastikan Kertas Kerja Sokongan dikemukakan kepada BPOPA sebanyak dua (2) salinan dengan sesalinan surat litup kepada BPOPP selewat-lewatnya pada 11 November 2022 (Jumaat) bagi Penutupan Akaun Interim dan 31 Mac 2023 (Jumaat) bagi Penutupan Akaun Akhir Tahun; dan
- (d) Menyediakan satu (1) salinan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penutupan Akaun Akhir Tahun di peringkat Kementerian untuk tujuan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara.

3. Kertas Kerja Sokongan yang disediakan tidak akan menggunakan sistem iAref dan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan serta disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Akauntan Kementerian, Pengarah Negeri/ Cawangan dan PTJ. Format Kertas Kerja Sokongan tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia di pautan <http://www.anm.gov.my>.

4. Pengarah Negeri/ Cawangan hendaklah mengeluarkan arahan kepada semua PTJ di bawah seliaannya untuk menyediakan pengesahan baki bagi kod akaun yang berkaitan mengikut format yang ditetapkan. Pengesahan ini hendaklah disediakan dalam tempoh yang sewajarnya untuk dikemukakan kepada Ketua Akauntan Kementerian bagi tujuan penyediaan pengesahan peringkat Kementerian.

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Kertas Kerja Sokongan bagi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2022 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(**SARIMAH BINTI HUSAIN C.A.(M)**)

Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
b.p. Akauntan Negara Malaysia

s.k : P BPOPP